# LAPORAN KAJIAN DAN LUKISAN TERUKUR RUMAH MELAYU TRADISI HAJI ABDULLAH MOHD. AMIN JALAN RAJA ABDULLAH, KAMPUNG BARU, KUALA LUMPUR

(TH)
728.
M95
35.
LAP

KOLEKSI DIGITAL PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR

**Senarai Gambarfoto**


| | | |
|---|---|---|
| 1. | g.f 1.2.1 | Bahagian hadapan rumah kajian menghadap ke Jalan Raja Abdullah, |
| 2. | g.f 1.2.2 | Bahagian belakang rumah kajian dan stesyen LRT Dang Wangi. |
| 3. | g.f 2.2.1 | Permandangan Kuala Lumpur sekitar tahun 1884 (Sumber : Arkib Negara) |
| 4. | g.f 2.3.1 | Kuala Lumpur, 1880 an dan sekitar tahun 1930 an (Ibid). |
| 5. | g.f 2.3.2 | Permandangan Kuala Lumpur dari Sungai Gombak.(Ibid) |
| 6. | g.f 2.5.5.1 | Banjir di Kuala Lumpur pada tahun 1926 di mana paras air meningkat hingga 1 meter di pusat bandar. (Ibid) |
| 7. | g.f 2.5.1.2 | Permandangan Pejabat Kerajaan Kuala Lumpur. (Ibid) |
| 8. | g.f 2.5.1.3 | Sungai Kelang. (Ibid) |
| 9. | g.f 2.6.1 | Antara bangunan yang terdapat di Jalan Raja Abdullah. |
| 10. | g.f 2.6.2 | Kawasan Kampung Baru dari udara menghala ke Jalan Campbell.(Ibid) |
| 11. | g.f 2.6.1.1 | Antara catatan rasmi yang ditulis oleh Setiausaha Kehormat, John Hands, M.C.H mengenai Tanah Rezab orang Melayu di Kampung Baru.(Ibid) |
| 12. | g.f 2.6.1.2 | Antara rumah Melaka yang terdapat di Kampung Baru. |
| 13. | g.f 2.6.3.2 | Dato' Alias Omar bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur-Bapa Pembangunan Kuala Lumpur.(Ibid) |
| 14. | g.f 2.6.4.1 | Lawatan belia Jepun ke Kampung Baru (Ibid) |
| 15. | g.f 2.6.4.2 | Masjid Awal Kampung Baru.(Ibid) |
| 16. | g.f 2.6.4.3 | Ahli Lembaga Pentadbiran Kampung Baru (M.A.S). (Ibid) |
| 17. | g.f 2.6.5.1 | Demontrasi penentangan penubuhan Malayan Union oleh penduduk Kampung Baru.(Ibid) |

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

## 1.2 Ringkasan Mengenai Bangunan Kajian

Program Kajian Lukisan Terukur ini telah dijalankan ke atas sebuah bangunan rumah kediaman yang terletak di Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru, Kuala Lumpur di mana bangunan ini telah menempuh peredaran zaman yang amat mencabar daripada awal pembinaannya hinggalah kini. Bangunan yang telah mencapai usia lebih daripada 70 tahun ini telah dua kali bertukar milik, namun fungsinya masih sama, iaitu sebagai rumah kediaman. Namun beberapa pindaan telah dilakukan oleh pemilik kedua bagi memenuhi kehendak semasa penghuni rumah tersebut.

Pada asalnya rumah ini adalah tempat kediaman pemilik pertama dan keluarga, iaitu Haji Abdullah bin Mohamad Amin, namun selepas beberapa tahun pindahmilik berlaku, rumah tersebut dijadikan rumah sewaan kepada dua keluarga yang berbeza dan dijadikan gerai makanan di tingkat bawah rumah. Ini menyebabkan pindaan terpaksa dilakukan bagi menyesuaikan keadaan.

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL



g.f 1.2.1 Bahagian hadapan rumah kajian menghadap ke Jalan Raja Abdullah.